



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Konvensyen KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

PERINGKAT DALAMAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
KALI KE-2 TAHUN 2010

TARIKH : 14 OKTOBER 2010 (KHAMIS)
TEMPAT : DEWAN ASTAKA, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
MASA : 8.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

LG
173
.P2
K66
HR
2010
rs

PERPUSTAKAAN UMP



0000093345

MISI

Kami menyediakan pendidikan berkualiti tinggi melangkaui kehendak pihak berkepentingan dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi.

VISI

Menjadi universiti teknikal berkualiti tinggi melangkaui kehendak pihak berkepentingan dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi.

FALSAFAH

Kepercayaan bahawa ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah untuk dimanfaatkan. Penekanan kepada ilmu gunaan yang dipraktikkan oleh insan berakhlak akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana
- Cekal dalam menghadapi cabaran
- Proaktif dalam tindakan

KATA ALU-ALUAN PENDAFTAR



Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita bersama-sama dapat menjayakan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Dalaman Universiti Malaysia Pahang kali ke-2 Tahun 2010.

Majlis Konvensyen KIK dan Persembahan Inovasi yang dianjurkan setiap tahun ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang kreatif, inovatif dan sentiasa berusaha untuk membuat pembaharuan dan mengkaji cara pengurusanannya supaya mencapai matlamat seiring dengan hala tuju universiti yang berkompetitif.

Saya yakin dan percaya sambutan konvensyen pada tahun ini membawa perubahan yang lebih baik dengan penglibatan staf secara menyeluruh dalam mempersembahkan hasil projek yang berinovatif yang dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada jabatan berkenaan tetapi juga dapat berkongsi bersama jabatan yang lain. Ini merupakan petanda yang baik kepada Universiti dalam usaha mengetengahkan dan mengamalkan peningkatan kualiti bagi projek yang dikendalikan oleh kumpulan KIK di setiap jabatan.

Selaras dengan misi nasional yang memberi tumpuan dalam usaha negara kepada bidang-bidang utama yang akan membawa kepada pencapaian berterusan, kejayaan perancangan terletak pada keupayaan untuk melaksana. Oleh itu, marilah kita meningkatkan komitmen untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) di semua peringkat. Kita adalah sebahagian daripada jentera pentadbiran dan prestasi kita hendaklah dipertingkatkan melalui pelbagai kaedah-kaedah pembaharuan yang inovatif dan kreatif yang akan membantu dalam menjimatkan kos, masa serta tenaga.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pasukan KIK dan fasilitator yang menyertai Konvensyen KIK pada tahun ini. Semoga usaha murni ini diberkati dan mencapai matlamatnya.

Salam hormat dan terima kasih.

HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM

Pengerusi

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)
Universiti Malaysia Pahang

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	
No. Perolehan 093345 Tarikh 19 DEC 2014	No. Panggilan <i>LG 173 102 102 2010</i>

LATAR BELAKANG

Program Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) telah diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia sejak 14 Mac 1983 atas kesedaran tentang peranan serta sumbangannya di dalam peningkatan kualiti, khususnya di dalam penyelesaian masalah serta pembinaan semangat berpasukan. Pada tahun 2009, KMK telah bertukar nama kepada KIK selaras dengan arahan Surat Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bertarikh 1 November 2009 iaitu "Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) " yang menggantikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 7 Tahun 1991 – Panduan Mengenai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK).

Pemenang Konvensyen KIK akan menerima perkara berikut:

- Johan : Wang Tunai RM3000.00, sijil penyertaan, piala pusingan dan cenderahati iringan
- Naib Johan : Wang Tunai RM2000.00, sijil penyertaan dan cenderahati iringan
- Tempat Ketiga : Wang Tunai RM1000.00, sijil penyertaan dan cenderahati iringan

Tempat Ke-4 hingga Ke-10 : Sijil penyertaan dan cenderahati iringan kumpulan

Konvensyen KIK kali pertama telah diadakan pada 19 Oktober 2009 yang disertai oleh beberapa jabatan dan fakulti. Berikut adalah senarai pemenang bagi konvensyen tersebut;

Tempat	Kumpulan	Pusat Tanggungjawab
Johan	eLIB	Jabatan Perpustakaan
Naib Johan	Eagle	Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK)
Ketiga	Synergy	Jabatan Penyelidikan & Inovasi

OBJEKTIF PROGRAM

1. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kumpulan yang bertanding terhadap program pembudayaan cemerlang ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti di UMP;
2. Meyakinkan bahawa KIK boleh dilaksanakan di UMP; dan
3. Membuktikan peranan yang dimainkan oleh KIK dapat membantu pihak pengurusan universiti menyelesaikan masalah berkaitan kerja dan memperbaiki sistem pencapaian di Pusat Tanggungjawab (PTJ).

ATUR CARA MAJLIS

8:00 pagi	: Ketibaan Peserta / Tetamu
8:30 pagi	: Ketibaan VIP
8:40 pagi	: Bacaan Doa
8:50 pagi	: Ucapan Aluan Pendaftar UMP Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Konvensyen KIK, UMP
9:10 pagi	: Taklimat Syarat Persembahan
9:15 pagi	: Persembahan Kumpulan D' Optimis
9:45 pagi	: Persembahan Kumpulan Engenius
9:50 pagi	: Persembahan Kumpulan MekaEL
10:30 pagi	: Kudapan
11:00 pagi	: Persembahan Kumpulan SmartPay
11:30 pagi	: Persembahan Kumpulan OptiC Creative (CC)
12:00 tengah hari	: Persembahan Kumpulan Aggressor
12:30 tengah hari	: Persembahan Kumpulan HANES
1:00 petang	: Rehat / Kudapan
2:30 petang	: Persembahan Kumpulan Wisdom
3:00 petang	: Persembahan Kumpulan PIVOT
3:30 petang	: Persembahan Kumpulan Kompeten
4:30 petang	: Pengumuman Keputusan Konvensyen : Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang : Penyampaian Cenderamata Kepada Panel
5:00 petang	: Kudapan : Bersurai

JADUAL KONVENSYEN

Masa	Kumpulan	PTJ	Tajuk Projek
9:15 pagi	D' Optimis	Jabatan Pendaftar	Penambahbaikan Proses Saringan Dokumen Permohonan Jawatan Gunasama Di UMP
9:45 pagi	Engenius	FKKSA	Pengurusan Bahan Kimia Bagi Keperluan Pengajaran Dan Pembelajaran
9:50 pagi	MekaEL	JPPH	<i>Heat Detector Testing Kit</i>
11:00 pagi	SmartPay	Jabatan Bendahari	Pembayaran Tidak Diterima Oleh Pihak Sepatutnya
11:30 pagi	OptiC Creative (CC)	BPA	Mempercepatkan Proses Set Surat Tawaran Kemasukan Pra Siswazah
12:00 tengah hari	Aggressor	JHEAA	Mempercepatkan Pengeluaran Laporan Penilaian Pengajaran
12:30 tengah hari	HANES	PBMSK	Maklumat Aktiviti PBMSK Tidak Diselaras dan Didokumentasi Dengan Baik
2:30 petang	Wisdom	Jabatan Perpustakaan	Meningkatkan Jumlah Pengguna Ke Perpustakaan
3:00 petang	PIVOT	PKP	<i>To Improve Registration Procedure</i>
3:30 petang	Kompeten	PTMK	Penambahbaikan Proses Penyediaan, Pengumpulan, Penyemakan Dan Penghantaran Data-data Staf, Pelajar Dan Penyelidikan UMP Ke Sistem MyMohes, KPT.

PROFIL KUMPULAN

1. KUMPULAN D'OPTIMIS	
NAMA JABATAN	: Jabatan Pendaftar
CHAMPION	: Haji Mustafa Bin Ibrahim
NAMA FASILITATOR	: Pn. Sabarehan binti Hj. Ismail
KETUA KUMPULAN	: Muhamad Tasyrif bin Ghazali
AHLI KUMPULAN	: Mohd Khalil Bin Abdul Rahman Ahmad Fadly Bin Ibrahim Yuana Binti Sulaiman Abd Razak Bin Ja'afar Noranita Binti Mohamad Zaida Binti Mohamed Noraini Binti Sulaiman Shaharul Ikhsan Bin Shaharuddin Norsuwaida Binti Sa'amah
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: Penambahbaikan Proses Saringan Dokumen Permohonan Jawatan Guna sama Di UMP
HURAIAN PROJEK	: Jabatan Pendaftar dipertanggungjawabkan bagi menguruskan dan mengemas kini maklumat dan dokumen permohonan jawatan baharu. Proses kerja ini memerlukan pengemaskinian data dalam sistem e-recruitment dan pengurusan dokumen permohonan jawatan baharu yang diterima.

① Tool² KIK

Kaedah undian
matrib diagram

COGAN

ipnas afi punea Masalah

Samarici pendek — Rgok Ichikawa

~~prag~~ Documentation →

Ruman bucal

Res

2. KUMPULAN ENGENIUS	
NAMA JABATAN	: Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli
CHAMPION	: Profesor Madya Zulkafli bin Hassan
NAMA FASILITATOR	: Pn. Zuryaty Binti Zol
KETUA KUMPULAN	: Noor Intan Shafinas Binti Muhammad
AHLI KUMPULAN	: Mohd Marzuki Bin Mohamed Mahadhir Bin Muhammad Hafizah Binti Ramli Wan Ruzlan Bin Wan Hashim Abd. Razak bin Abd Hamid
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: Pengurusan Bahan Kimia Bagi Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran
HURAIAN PROJEK	:Projek kumpulan ialah mengurangkan masa untuk pengiraan pelbagai kepekatan bahan kimia dari 7 ke 3 minit berikutan bahan kimia yang perlu disediakan sebelum sesi makmal bermula. Penyediaan pelbagai kepekatan bahan kimia untuk penggunaan kelas dapat memberikan keputusan yang agak tepat untuk latihan amali yang dijalankan di makmal. Kadang-kadang bahan kimia yang digunakan dalam kuantiti yang agak sedikit (beberapa titik sahaja). Oleh itu, bahan kimia tersebut perlu disediakan oleh tenaga pengajar untuk persediaan sebelum kelas bermula. Dengan ini, penjimatan dari segi bahan kimia itu sendiri dan kos perawatan bahan sisa dapat dijimatkan.

+ bmechmarb .

rafah paretan

ichikawa .

Carla pubutan :

kana

Tida minda
↓
kana jga

3. KUMPULAN MekaEL	
NAMA JABATAN	: Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta
CHAMPION	: Haji Rosdi Bin Mohamed
NAMA FASILITATOR	: Haji Ghazali bin Hasan
KETUA KUMPULAN	: Mohd Nurul Akla Bin Mohd Azlan
AHLI KUMPULAN	: Alif Falatin Bin Abdul Latif Abdul Walik Bin Yusuf Izwan Bin Ismail Noor Hafiz Bin Noordin Mohd Tahar Bin Husin Azizan Bin Jernia Mohamad Aznan Bin Othman Mohd Fitry Bin Awang Samah Mohd Azam Bin Mohd Pauzai Mohd Zaidi Bin Zainuddin
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: <i>Heat Detector Testing Kit</i>
HURAIAN PROJEK	: Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) adalah merupakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan, penyelenggaraan bangunan dan kemudahan serta pengurusan harta guna sama Universiti termasuk kenderaan Universiti. Pada peringkat awal penubuhan KUKTEM (sekarang ini dikenali sebagai Universiti Malaysia Pahang) pada tahun 2002. JPPH telah beroperasi pada skala yang kecil dengan fungsinya dijalankan oleh Unit Teknikal & Unit Kenderaan. Kedua-dua unit ini telah melaksanakan semua cabang peranan yang meliputi kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, pengurusan harta & logistik universiti. Kesukaran dalam menentukan status <i>heat detector</i> di tempat yang tinggi sering kali menjadi masalah. Hal ini terjadi di semua bangunan yang mempunyai <i>sistem heat detector</i> . Sehubungan itu, dalam menyelesaikan masalah tersebut, banyak cara telah digunakan, tetapi kebanyakan mendatangkan bahaya kepada individu yang melakukan ujian tersebut.

4. KUMPULAN SMARTPAY	
NAMA JABATAN	: Jabatan Bendahari
CHAMPION	: Pn. Norliza Binti Arshad
NAMA FASILITATOR	: Cik Farawahida binti Suhaimi
KETUA KUMPULAN	: Faizal Bin Husin
AHLI KUMPULAN	: Nur Sufiah Binti Jamaludin Asri Bin Hj Zainudin Norashikin Binti Dolmat @ Mat Sani Sulaiman Bin Baniyamin Hazieliyani Binti Mohd Ghazali Norhaniza Binti Hakim Norbani Binti Abdul Rahman Mohd Saipun Bin Manshor Juriah Binti Mohamad
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: Pembayaran Tidak Diterima Oleh Pihak Sepatutnya
HURAIAN PROJEK	: Bahagian pembayaran di Jabatan Bendahari menguruskan bayaran gaji, tuntutan staf, pembekal dan lain-lain bayaran. Proses kerja tersebut memerlukan fokus dan pemerhatian yang teliti sebelum pengeluaran cek dilakukan. Namun begitu, semua pembayaran tersebut menghadapi masalah seperti cek tidak sampai kepada penerima, cek hilang dan tiada makluman status kedudukan cek yang tidak ditunaikan. Manakala pembayaran melalui <i>online</i> pula, pihak penerima menghadapi kesukaran bagi mengetahui jenis pembayaran yang dibuat dan kadang kala sistem online bank sukar dimasuki atau dilayari. Dengan program KIK ini, kami akan menyelesaikan masalah tersebut dengan menggunakan pendekatan yang mudah, menjimatkan masa dan kos serta sistematik dalam kerja.

5. KUMPULAN OpticC Creative (CC)	
NAMA JABATAN	: Bahagian Pengurusan Akademik
NAMA FASILITATOR	: En. Hazmin Bin Aris
KETUA KUMPULAN	: Rosilavi Bin Mat Jusoh
AHLI KUMPULAN	: Roziana Binti Shafie Elmi Rohaiza Binti Harun Hazman Bin Abdul Mohd Narawi Bin Hassan Ahmad Saifuddin Bin Abdul Manan Mohd Azmi Bin Abd Razak Mohd Nazri Bin Rahmad Norulhuda Binti Mat Esa Hanizam Bin Abdul Kassim
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: Mempercepatkan Proses Set Surat Tawaran Kemasukan Pra Siswazah
HURAIAN PROJEK	: Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) adalah badan yang bertanggungjawab kepada pengurusan universiti terhadap perancangan, penyeliaan dan pelaksanaan aktiviti dan hal ehwal berkaitan akademik prasiswazah di UMP. Kesukaran menguruskan bilangan set tawaran kemasukan pelajar yang banyak merupakan isu yang menyumbang kepada perkara berikut: 1. Calon yang ditawarkan tempat ke UMP lambat menerima set tawaran tersebut. 2. Risiko set tawaran kemasukan tidak diterima oleh calon. 3. Tempoh masa yang singkat diperlukan untuk memproses set tawaran kemasukan menyebabkan berlaku banyak kesilapan dan kerja yang teliti perlu dilakukan. 4. Pembaziran set dokumen tawaran kemasukan kepada calon yang ditawarkan tempat tetapi tidak mendaftar.

6. KUMPULAN AGGRESSOR	
NAMA JABATAN	: Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
CHAMPION	: Prof. Madya Dr. Abdullah Bin Ibrahim
NAMA FASILITATOR	: En. Mohd Raizalhilmy Bin Mohd Rais
KETUA KUMPULAN	: Hizir Bin Mohtar
AHLI KUMPULAN	: Sarinah Binti Shaari Norfazliatun Natasha Binti Mohamed Yatim Finny Binti Mohamed Wan Nafisah binti Wan Ibrahim Emma Melati binti Burhanuddin Farah Hida binti Sharin
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: Mempercepatkan Pengeluaran Laporan Penilaian Pengajaran
HURAIAN PROJEK	: CAIC merupakan pusat yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan kualiti akademik melibatkan pengiktirafan program, pembentukan program-program baharu dan pembangunan pengajaran dan pembelajaran. Banyak data dan penyelidikan perlu dibuat bagi memastikan semua rancangan yang diatur dapat dilaksanakan. Salah satu daripadanya adalah penilaian pengajaran dibuat setiap semester. Kelewatan memproses dan memperoleh data merupakan isu yang menyumbang kepada pengeluaran laporan yang lambat.

7. KUMPULAN HANES	
NAMA JABATAN	: Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
CHAMPION	: Prof. Dr. Abd Jalil Bin Borhan
NAMA FASILITATOR	: Pn. Munira binti Abdul Razak
KETUA KUMPULAN	: PM Dr. Muhammad Nubli Bin Abdul Wahab
AHLI KUMPULAN	: Saharudin Bin Ramli Wan Jumanis Binti Fauzi Ruhil Amal Binti Azmuddin Fatmawati Binti Latada Ahmad Fazullah Bin Mohd Zainal Abidin Mohd Iszuani Bin Hassan Fatina Binti Bakar Mansor Bin Sulaiman Azwin Arif Bin Abdul Rahim Hafis Hafifi Bin Karim Norazalila Binti Mat Salleh Jamiaah Noor Binti Rahmad Norzarifah Binti Samin
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: Maklumat Aktiviti PBMSK Tidak Diselaras Dan Didokumentasi Dengan Baik
HURAIAN PROJEK	: PBMSK merupakan PTJ yang dipertanggungjawabkan sebagai Pusat perkhidmatan sokongan akademik yang menawarkan kursus wajib dan elektif universiti dan KPT seperti berikut : 7 kursus wajib Bahasa Inggeris Universiti 4 kursus wajib (KPT & Universiti) Sains Kemanusiaan 8 kursus Bahasa Asing Kursus-kursus elektif MUET Menjalankan penyelidikan dan pengkomersilan (RDC) Menawarkan latihan dan perundingan kepada pihak universiti, kerajaan dan industri. Kesemua inisiatif ini memerlukan data-data berbentuk laporan dan rekod di PBMSK. Kesukaran memperolehi data/laporan merupakan isu yang menyumbang kepada kelewatan dalam pengeluaran laporan, tindakan, input portal, proses kerja ke arah sistem penyampaian yang berkesan.

8. KUMPULAN WISDOM	
NAMA JABATAN	: Jabatan Perpustakaan
CHAMPION	: Hj.Ruslan bin Che Pee
NAMA FASILITATOR	: Cik Siti Aishah Ghani
KETUA KUMPULAN	: Amelia Hasan
AHLI KUMPULAN	: Wan Rosnur Irma Wan Mohamad Kamariah Gono Mohd Esuadi Mustaffa Azfarshah Azizan Shahril Johari
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: Meningkatkan Jumlah Pengguna Ke Perpustakaan
HURAIAN PROJEK	: Pada awal penubuhan Perpustakaan UMP (dahulunya KUKTEM) telah ditempatkan di Kompleks Perkhidmatan Siswa yang hanya mampu menampung seramai 500 orang pengguna dalam satu masa. Bermula Januari 2009 Perpustakaan UMP telah memulakan operasinya di bangunan baru dengan keluasan 6400 meter persegi yang mampu menampung sehingga 1250 pengguna dalam satu masa. Namun jumlah pengunjung mengalami penurunan yang amat ketara sehingga Disember 2009 jumlah pengunjung menyusut sehingga 17.7% dari jumlah keseluruhan 2008 dan 2009.

10. KUMPULAN PIVOT	
NAMA JABATAN	: PUSAT KESIHATAN
CHAMPION	: Dr. Khairul Salleh Bin Abdul Basit
NAMA FASILITATOR	: Dr. Yunoos Gitaboy
KETUA KUMPULAN	: Julina Binti Samad
AHLI KUMPULAN	: Yaacob Khan @ Ne Myo Min Normayati Binti Mohamad Azlina Binti Ahmad Junaida Binti Zahari Muhammad Najib Bin Rahim
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK	: To improve registration procedure
HURAIAN PROJEK	: Staff of the PKP notice that patients who come for the registration procedure encounter problems during the registration process.

11. KUMPULAN KOMPETEN	
NAMA JABATAN CHAMPION NAMA FASILITATOR KETUA KUMPULAN AHLI KUMPULAN	: Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi : En. Roslan Bin Awang Abdul Rahman : Pn. Ernie Nurazlin Binti Llzam : Abdullah Fairuzullah Bin Ahmad Tajuddin : Hazarina Binti Abd Hamid Fadhilah Husna Binti Rahmalan Wan Fatma Azura Binti Wan Mahamood Hanizam Bin Abdul Kassim Norsyuhada Binti Hamdan Kamarul Amin bin Abdul Khalid Amir Azhar bin Baharuddin
KETERANGAN PROJEK	
TAJUK PROJEK :	Penambahbaikan Proses Penyediaan, Pengumpulan, Penyemakan dan Penghantaran Data-data Staf, Pelajar dan Penyelidikan UMP Ke Sistem MyMohes KPT.
HURAIAN PROJEK :	Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) telah dilantik sebagai Pusat Kualiti Data bagi UMP di dalam menguruskan penghantaran maklumat staf, pelajar, penyelidikan, perundingan, pengkomersilan dan maklumat institusi yang diperlukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk Sistem Maklumat KPT berkaitan IPTA (MyMohes) . Bagi mencapai maklumat ini, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi telah menubuhkan satu task force di dalam menyokong proses kerja penghantaran data kepada sistem MyMohes yang mana proses <i>Data Migration, Conversion, Filteration</i> dan <i>Validation</i> diperlukan. Penghantaran data kepada sistem MyMohes ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam Pekeliling Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2010 Kementerian Pengajian Tinggi.

SEKALUNG BUDI

Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP)
dengan segala sukacitanya
merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan
dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung
mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.

